

11/02/1998

Badan awasi derma

KUALA LUMPUR, Selasa - Kabinet akan membincangkan penubuhan badan khas mengawasi derma, penjualan barang kemas dan harta bagi meningkatkan dana negara, supaya ia tidak diseleweng, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, semua badan yang mengurus dan melancarkan tabung bagi membantu kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi, akan disatukan.

Walaupun rakyat sedia menderma, beliau perlu mendapatkan kelulusan Kabinet mengenai badan yang akan menerima sumbangan itu kerana tidak mahu mana-mana pihak membuat kutipan barangan berharga sewenang-wenangnya.

"Ia mungkin dalam bentuk wang tunai, barang kemas dan mungkin dalam bentuk harta. Kita akan menerima dan menukarnya kepada bentuk wang atau ketul emas. Jadi ini perlu dilaksanakan dengan sempurna.

"Badan yang ada kita akan satukan. Kita tidak boleh ada banyak badan kerana itu membahayakan. Jika jatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab, sumbangan akan lesap dan si penderma kecewa dan marah.

"Kita tidak boleh biarkan perkara itu berlaku," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Telekom Malaysia dengan Konsortium MEPS Joint Venture di sini, hari ini.

Beliau mengulas penubuhan beberapa tabung bagi mengumpul sumbangan daripada jabatan, agensi, kakitangan kerajaan serta orang ramai bagi membantu menangani kegawatan ekonomi sekarang.

Kelmarin, Pergerakan Wanita Barisan Nasional melancarkan Tabung Ehsan Wanita, manakala semalam Kementerian Penerangan membentuk Tabung Setia Negara, kedua-duanya bagi membantu kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi sekarang.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, lebih banyak rizab bermakna ia lebih baik untuk kestabilan negara.

"Tetapi akhbar kata ini (kutipan sumbangan) kerana kita dah miskin, papa kedana. Ini semua cerita nak menjatuhkan kita. Semua negara kena memperkukuhkan rizab dalam usaha mempertahankan dirinya.

"Lebih kuat diri kita maka semakin kurang serangan dilakukan oleh orang lain. Oleh itu, janganlah membuat rumusan kita sudah papa kedana," katanya.

(END)